



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
***Ministry of Agriculture and Food Industries***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

## **SIARAN MEDIA**

### **POTENSI INDUSTRI TENUSU DALAM MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN**

**GENTING HIGHLANDS, 22 Oktober** – Industri tenusu berpotensi untuk dikembangkan bagi menjamin bekalan makanan dalam negara dan mengurangkan kebergantungan kepada produk import.

Pada tahun 2020, penggunaan susu dalam negara adalah sebanyak 69.4 juta liter setahun. Industri tenusu tempatan hanya mampu mengeluarkan sebanyak 43.3 juta liter setahun walaupun telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2015 (36.4 juta liter). Negara masih perlu mengimpor sebanyak 26.1 juta liter dari luar negara.

Di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) tahap sara diri (SSL) susu segar disasarkan 100% menjelang 2030 berbanding 62.4% pada tahun 2020.

Bagi mencapai sasaran tersebut, Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah memperkenalkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara (Dairy Plan) 2021-2025. Usaha ini juga perlu mendapat sokongan dan kerjasama dari pihak pemain industri ke arah pembangunan industri tenusu yang lebih berdaya maju.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Badrul Hisham Mohd, jalinan kerjasama Kementerian dengan Farm Fresh Bhd. adalah untuk meningkatkan pengeluaran susu dan memasarkan kepada pengguna melalui pelbagai platform. Katanya lagi hasil kerjasama strategik bersama Farm Fresh Bhd telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan dengan melahirkan seramai 45 stokis, 832 *homedealers* dan 1,302 ejen di seluruh Malaysia dan Singapura yang sebahagian besar terdiri dari para suri rumah.

Pendekatan ini untuk memastikan setiap keluarga Malaysia kekal mempunyai akses kepada sumber makanan yang berkhasiat dengan harga yang berpatutan, disamping membantu industri tenusu terus berkembang yang pastinya memberi manfaat kepada penternak.

MAFI sentiasa komited untuk membantu para usahawan membangunkan perniagaan berdasarkan produk pertanian dan industri asas tani melalui Geran Agropreneur Muda, pemohon boleh memohon bantuan sehingga RM20,000 bagi tujuan pemasaran dan kemudahan seperti peralatan dan *mobile food truck* kepada pemohon yang berjaya.

**DISEDIAKAN OLEH:**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan**

**22 Oktober 2021**